

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT KARYANEKA KALI KE-3 TAHUN 1984,
Lokasi : KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-07-1984

Yang Berhormat Tuan Haji Yahya Lampong, Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar;
Yang Berbahagia En. Sha'ya Basheer, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar
Bandar; Dif-dif kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat kali ke-3 tahun 1984. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan kepada tuan-tuan dan puan-puan Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang baru dilantik iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Yahya Lampong. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa Penasihat Karyaneka kami mengucapkan tahniah atas perantikan Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat di Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Karyaneka pada pagi ini.

2. Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, esuk hari Sabtu 28hb. Julai, 1984, pukul 4.00 petang akan berlangsung Upacara Pelancaran Mini Parlimen Kanak-kanak di Oditorium Besar Angkasapuri. Saya harap semua Ahli Jawatankuasa akan hadir di upacara itu. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Radio dan Televisyen Malaysia yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Pelancaran Mini Parlimen itu hingga membolehkan acara itu dirakamkan untuk disiarkan melalui Radio dan Televisyen.

3. Jika tuan-tuan dan puan-puan sekalian lihat dalam penyata jualan Karyaneka, kita dapati jumlah jualan telah meningkat dari masa ke semasa. Pada bulan Mei umpamanya jumlah jualan meningkat hingga ke \$151,000.00. Memandangkan barang-barang kraftangan kita mempunyai potensi yang baik, saya amat mengharapkan tiap-tiap Ahli Jawatankuasa yang mewakili Jabatan atau Agensi dapat menyusun programnya sendiri dan mengambil daya usaha melaksanakan program-program bagi tujuan menambahkan pengeluaran untuk dibekalkan kepada Karyaneka di Kuala Lumpur. Saya percaya dengan adanya usaha setiap satu daripada kita masalah kekurangan bekalan yang dihadapi oleh Karyaneka dapat diatasi.

4. Saya juga telah difahamkan bahawa mesin anyaman pandan sebanyak 100 buah telah diterima dari Taiwan dan sekarang ini seramai 40 orang pelatih sedang dilatih bagi mengendalikan mesin-mesin itu di Pusat Latihan Kraftangan di Kuala Trengganu. Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian menggunakan mesin-mesin itu dengan lebih cekap.

Untuk ini perlulah ditubuhkan pusat-pusat pengeluaran di seluruh negara di mana tiap-tiap pusat ini ditempatkan antara 5 hingga 10 buah mesin. Cara ini akan dapat menjamin pengeluaran hasil-hasil anyaman pandan secara banyak dan tetap bagi memenuhi permintaan pasaran.

5. Sekian sahaja ucapan aluan saya pada pagi ini dan sekarang saya dengan sukacitanya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Yahya Lampong, Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menyampaikan sepatah dua kata.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikom Warahmatullahi Wabarakatuh.